

07/09/1997

Bahasa Melayu boleh terkenal

BAHASA Melayu boleh terkenal di seluruh pelusuk dunia dan menjadi bahasa penghantar antarabangsa sekiranya tamadun bangsa itu mampu dipertingkatkan, kata Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Bagaimanapun, beliau mengakui langkah untuk mewujudkan masyarakat pengguna bahasa Melayu yang global akan mengambil masa lama dan lebih membentuk rancangan jangka panjang.

"Ini kerana buat masa ini, kita akan memberi tumpuan kepada usaha membina bangsa dan menguasai ilmu terlebih dahulu seperti yang disarankan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden parti.

"Jika kita sudah dapat menguasai ilmu, baru kita dapat menguasai teknologi serta membina tamadun berjaya," katanya kepada pemberita.

(END)